



KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000
Laman Web : www.planmalaysia.gov.my
E-mel : alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami: JPBD(IP)185/656/22 (23)

Pekeliling Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 8 Tahun 2023

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua pihak berkepentingan dalam merancang dan menyediakan kemudahan rumah ibadat Islam (masjid dan surau) yang terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi swasta khususnya untuk menerima pakai Garis Panduan Perancangan (GPP) Rumah Ibadat Islam.

LATAR BELAKANG

2. GPP Rumah Ibadat Islam ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bil. 3/2023 pada 19 Jun 2022. GPP Rumah Ibadat Islam buat pertama kalinya siap disediakan pada tahun 1997 dan disemak semula pada tahun 2009 dengan menggunakan pakai nama Draf GPP Masjid dan Surau (GPP008-A).

3. GPP Rumah Ibadat Islam ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang dan garis panduan sedia ada yang disediakan oleh PLANMalaysia dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN

4. GPP Rumah Ibadat Islam merangkumi empat (4) garis panduan umum berkaitan:
 - i) perancangan tapak;
 - ii) reka bentuk;
 - iii) komponen kemudahan; dan
 - iv) kawalan lalu lintas.

5. GPP ini juga memperincikan mengenai garis panduan khusus yang merangkumi enam (6) hierarki rumah ibadat Islam iaitu:
 - i) masjid negara, negeri / wilayah;
 - ii) masjid daerah / jajahan;
 - iii) masjid tempatan;
 - iv) surau / surau Jumaat;
 - v) ruang solat / musala; dan
 - vi) rumah ibadat pelancongan.

6. Perincian kepada GPP Rumah Ibadat Islam ini boleh dirujuk dan dimuat turun secara atas talian melalui: <https://mytownnet.planmalaysia.gov.my/>.

PEMATUHAN

7. Semua kementerian atau agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT boleh merujuk kepada GPP Rumah Ibadat Islam semasa melibatkan perancangan bagi pembangunan perbandaran atau perumahan baharu di setiap kawasan PBT.

8. Justeru, edaran pekeliling ini adalah selaras dengan fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2B (1), Akta 172 yang bertanggungjawab untuk menjalankan dan menyelaraskan penyelidikan berkaitan dengan aspek perancangan bandar dan desa serta menyiarkan laporan atau terbitan lain yang berhubung dengan perancangan bandar dan desa.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini dikeluarkan untuk penerimaan dan pemakaian kepada semua kementerian atau agensi peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa.

PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia),

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan,

Blok F5, Kompleks F, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62675 PUTRAJAYA.

(u.p.: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)

No. Telefon : 03-8091 0000

No. Faks : 03-8091 0455

PENUTUP

12. Pekeliling ini dipanjangkan kepada kementerian atau agensi yang berkaitan, semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), PLANMalaysia Negeri dan PBT untuk perhatian serta tindakan sewajarnya.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)

15 Disember 2023

- s.k.
- i. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
 - ii. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), PLANMalaysia
 - iii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), PLANMalaysia
 - iv. Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
 - v. Pengarah Bahagian Korporat, PLANMalaysia

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM boleh dimuat turun melalui QR Code berikut:



SENARAI EDARAN

Agensi dan Kementerian

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 PUTRAJAYA

2. Ketua Pengarah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 4, Podium 1, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA

3. Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 26-29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA

4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perhubungan Masyarakat
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 PUTRAJAYA

PLANMalaysia Ibu Pejabat

5. Pengarah
Bahagian Rancangan Fizikal Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 8, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

6. Pengarah
Pejabat Projek Zon Timur
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Tingkat 4, Wisma PERKESO
Jalan Air Jernih, Peti Surat 155
20538 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
7. Pengarah
Pejabat Projek Zon Selatan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 7, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 MELAKA
8. Pengarah
Pejabat Projek Zon Utara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 4, Wisma PERKESO
Jalan Telok Wanjah
05646 ALOR SETAR, KEDAH
9. Pengarah
Pejabat Projek Zon Tengah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 4, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
10. Pengarah
Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 6, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
11. Pengarah
Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 7, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

12. Pengarah
Bahagian Perancangan Wilayah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 3, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

13. Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

14. Ketua Unit
Unit Penyelarasan Projek
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Aras 12, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA

PLANMalaysia Negeri

1. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor
(PLANMalaysia Johor)
Aras 1 & 2, Bangunan Dato' Mohammad Salleh Perang
Kota Iskandar
79100 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

2. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang
(PLANMalaysia Pulau Pinang)
Tingkat 57, Bangunan KOMTAR
Penang Road,
10646 PULAU PINANG

3. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
(PLANMalaysia Pahang)
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
252000 KUANTAN, PAHANG

4. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40646 SHAH ALAM, SELANGOR

5. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak
(PLANMalaysia Perak)
Tingkat 3 & 7, Bangunan Seri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30646 IPOH, PERAK

6. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah
(PLANMalaysia Kedah)
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim Muazzam Shah
Jalan Badlishah
05646 ALOR SETAR, KEDAH

7. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan
(PLANMalaysia Negeri Sembilan)
Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri
70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

8. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu
(PLANMalaysia Terengganu)
Tingkat 4, Wisma Darul Iman
Jalan Pejabat
20200 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

9. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka
(PLANMalaysia Melaka)
Tingkat 5, Wisma Negeri
Ayer Keroh
75646 MELAKA

10. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
(PLANMalaysia Kelantan)
Blok 4, Tingkat Bawah
Kota Darul Naim
15646 KOTA BHARU, KELANTAN

11. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis
(PLANMalaysia Perlis)
Tingkat 3, Blok A
Bangunan Dato' Mahmud Mat
01000 KANGAR, PERLIS

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok 2,
Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 PUTRAJAYA

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

PBT Negeri Johor

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru
Menara MBBJ
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam
Bukit Senyum
80300 JOHOR BAHRU, JOHOR

2. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
Jalan Medini Sentral 9
Bandar Medini Iskandar
79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

3. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar
81700 PASIR GUDANG, JOHOR
4. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulai
Jalan Pejabat Kerajaan
81000 KULAI, JOHOR
5. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Muar
Karung Berkunci No 516
84009 MUAR, JOHOR
6. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
Jalan Pejabat Kerajaan
86000 KLUANG, JOHOR
7. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Jalan Pejabat
83000 BATU PAHAT, JOHOR
8. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Segamat
No 1, Jalan Abdullah
85000 SEGAMAT, JOHOR
9. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pontian
Jalan Alsagoff
82000 PONTIAN, JOHOR
10. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang
No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Desaru Utama
81930 BANDAR PENAWAR, JOHOR
11. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi
Jalan Padang
81900 KOTA TINGGI, JOHOR

12. Yang Dipertua
Majlis Daerah Labis
85300 LABIS, SEGAMAT JOHOR
13. Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing
No. 1, Jalan Tun Dr. Ismail
86800 MERSING, JOHOR
14. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak
Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak
84900 TANGKAK, JOHOR
15. Yang Dipertua
Majlis Daerah Simpang Renggam
Jalan Persiaran Muafakat
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR
16. Yang Dipertua
Majlis Daerah Yong Peng
KM 1, Jalan Labis
83700 YONG PENG, JOHOR

PBT Negeri Melaka

17. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
Bangunan Graha Makmor
No 1, Lebuah Ayer Keroh
75450 MELAKA
18. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Jalan Dato' Dol Said
78000 ALOR GAJAH, MELAKA
19. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2, Kompleks Melaka Mall
Jalan Tun Abdul Razak - Lebuah Ayer Keroh
75450 AYER KEROH, MELAKA

20. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin
Vista Alamanda
77000 JASIN, MELAKA

PBT Negeri Sembilan

21. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban
Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1
Jalan Seremban - Tampin
70450 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
22. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson
KM1, Jalan Pantai
71009 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
23. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jempol
72120 BANDAR SERI JEMPOL, NEGERI SEMBILAN
24. Yang Dipertua
Majlis Daerah Jelebu
Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang
**71600 KUALA KLawang, JELEBU
NEGERI SEMBILAN**
25. Yang Dipertua
Majlis Daerah Rembau
Jalan Dato Lela Maharaja
71309 REMBAU, NEGERI SEMBILAN
26. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tampin
73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN
27. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah
72009 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

PBT Wilayah Persekutuan

28. Datuk Bandar
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR

29. Presiden
Perbadanan Putrajaya
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana Presint 3
62675 PUTRAJAYA

30. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan
Wisma Perbadanan Labuan
Peti Surat 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, LABUAN

PBT Negeri Selangor

31. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam
Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran
40000 SHAH ALAM, SELANGOR

32. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Jalan Yong Shook Lin
46675 PETALING JAYA, SELANGOR

33. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Persiaran Perpaduan, USJ 5
47610 SUBANG JAYA, SELANGOR

34. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah
55100 KUALA LUMPUR

35. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA, SELANGOR

36. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS Persiaran 3
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES, SELANGOR

37. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
Menara MPKj Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 KAJANG, SELANGOR

38. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang
Bangunan Sultan Alam Shah
Jalan Perbandaran
41675 KLANG, SELANGOR

39. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Persiaran Majlis
Jalan Sultan Alam Shah
42700 BANTING, SELANGOR

40. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR

41. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Jalan Majlis
45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR

42. Yang Dipertua
Majlis Daerah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR

PBT Negeri Perak

43. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Ipoh
Jalan Sultan Abdul Jalil
GREENTOWN, 30450 IPOH, PERAK

44. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Manjung
Jalan Pinang Raja
32040 SERI MANJUNG, PERAK

45. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
Wisma MPKK, Jalan Taiping
33000 KUALA KANGSAR, PERAK

46. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Teluk Intan
Jalan Speedy
36000 TELUK INTAN, PERAK

47. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping
Wisma Perbandaran Taiping
34000 TAIPING, PERAK

48. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar
Kompleks Pentadbiran MD Kampar
Jalan Iskandar
31900 KAMPAR, PERAK

49. Yang Dipertua
Majlis Daerah Gerik
Jalan Haji Meor Yahaya
33300 GERIK, PERAK

50. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
No. 1, Wisma MDK, Jalan Padang
34200 PARIT BUNTAR, PERAK

51. Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab
31000 BATU GAJAH, PERAK

52. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Jalan Pejabat
33100 PENKALAN HULU, PERAK

53. Yang Dipertua
Majlis Daerah Lenggong
Jalan Alang Iskandar
33400 LENGGONG, PERAK

54. Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah
Kompleks MDPT
Seri Iskandar
32610 BANDAR SERI ISKANDAR, PERAK

55. Yang Dipertua
Majlis Daerah Selama
34100 SELAMA, PERAK

56. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59
Bandar Behrang 2020
35900 TANJONG MALIM, PERAK

57. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tapa
Jalan Stesyen
35000 TAPAH, PERAK

PBT Negeri Pahang

58. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuantan
Kompleks Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih
25100 KUANTAN, PAHANG

59. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Bentong
Jalan Ketari
28700 BENTONG, PAHANG

60. Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands
No.1, Jalan Majlis
39000 Tanah Rata
CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

61. Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran
26500 MARAN, PAHANG

62. Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Pekan
Jalan Mahkota
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA, PAHANG

63. Yang Dipertua
Majlis Daerah Rompin
26800 KUALA ROMPIN, PAHANG

64. Yang Dipertua
Majlis Daerah Bera
28200 BANDAR BERA, PAHANG

65. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Temerloh
Kompleks Pejabat Plaza Temerloh
Jalan Ahmad Shah
28000 TEMERLOH, PAHANG

66. Yang Dipertua
Majlis Daerah Jerantut
27000 JERANTUT, PAHANG

67. Yang Dipertua
Majlis Daerah Lipis
Kompleks Pejabat Kerajaan
27200 KUALA LIPIS, PAHANG

68. Yang Dipertua
Majlis Daerah Raub
27600 RAUB, PAHANG

PBT Negeri Terengganu

69. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Tingkat 4 – 8, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
70. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kemaman
Jalan Air Putih
24000 KEMAMAN, TERENGGANU
71. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Dungun
Jalan Yahaya Ahmad
23000 DUNGUN, TERENGGANU
72. Yang Dipertua
Majlis Daerah Besut
22200 BESUT, TERENGGANU
73. Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Terengganu
21700 KUALA BERANG, TERENGGANU
74. Yang Dipertua
Majlis Daerah Marang
21600 MARANG, TERENGGANU
75. Yang Dipertua
Majlis Daerah Setiu
Wisma MDS
**22100 BANDAR PERMAISURI
SETIU, TERENGGANU**

PBT Negeri Kelantan

76. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
Jalan Hospital
15000 KOTA BHARU, KELANTAN

77. Yang Dipertua
Majlis Daerah Bachok
Bandar Pelancongan Islam
16300 BACHOK, KELANTAN
78. Yang Dipertua
Majlis Daerah Gua Musang
Jalan Hospital
18300 GUA MUSANG, KELANTAN
79. Yang Dipertua
Majlis Daerah Ketereh
16450 KETEREH, KELANTAN
80. Yang Dipertua
Majlis Daerah Machang
Pejabat Majlis Daerah Machang
Tingkat 1 & 2 Bangunan Aked MDM
Jalan Dato' Hashim
18500 MACHANG, KELANTAN
81. Yang Dipertua
Majlis Daerah Dabong
18200 DABONG, KELANTAN
82. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Krai
JKR 60, Jalan Sultan Yahya Petra
18000 KUALA KRAI, KELANTAN
83. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pasir Mas
Kompleks Apam Putra
Bandar Bharu Pasir Mas
17070 PASIR MAS, KELANTAN
84. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pasir Puteh
16800 PASIR PUTEH, KELANTAN
85. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanah Merah
17500 TANAH MERAH, KELANTAN

86. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tumpat
Jalan Tanjung Kuala
16200 TUMPAT, KELANTAN

87. Yang Dipertua
Majlis Daerah Jeli
17600 JELI, KELANTAN

PBT Negeri Kedah

88. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Alor Setar
Jalan Kolam Air
05200 ALOR SETAR, KEDAH

89. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
No. 1, Lebuhraya 2, Bandar Putra
09000 KULIM, KEDAH

90. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
07000, KUAH, LANGKAWI, KEDAH

91. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Menara MPSPK, Jalan Patani
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

92. Yang Dipertua
Majlis Daerah Baling
24, Jalan Badlishah
09100 BALING, KEDAH

93. Yang Dipertua
Majlis Daerah Bandar Baharu
09800 SERDANG, KEDAH

94. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kubang Pasu
Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu
06000 JITRA, KEDAH

95. Yang Dipertua
Majlis Daerah Padang Terap
06300 KUALA NERANG, KEDAH
96. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pendang
253, Jalan Pendang – Tanah Merah
06700 PENDANG, KEDAH
97. Yang Dipertua
Majlis Daerah Sik
08200 SIK, KEDAH
98. Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan
Pejabat Majlis Daerah Yan
06900 YAN, KEDAH

PBT Negeri Pulau Pinang

99. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 17, KOMTAR
Jalan Penang
10675, PULAU PINANG
100. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG


PBT Negeri Perlis

101. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kangar
192, Persiaran Jubli Emas
01000 KANGAR, PERLIS



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan



© Hakcipta


**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan**

Hakcipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam garis panduan perancangan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan,
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 **PUTRAJAYA, MALAYSIA**

 03-8091 0000

 www.planmalaysia.gov.my



Garis Panduan Perancangan **RUMAH IBADAT ISLAM**

Pemberitahuan

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) PLANMalaysia Bil. 3/2023 pada 19 Jun 2023.

Garis Panduan Perancangan (GPP) Rumah Ibadat Islam ini akan menggantikan Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau (GP0008-A) yang diterbitkan pada tahun 2009. Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan ini perlu selaras dengan rancangan pemajuan yang sedang berkuatkuasa di sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan rancangan pemajuan yang sedang berkuat kuasa serta mana-mana peruntukan/garis panduan yang ditetapkan oleh agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.



Garis Panduan Perancangan RUMAH IBADAT ISLAM

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Tujuan Garis Panduan	1
1.2 Latar Belakang Garis Panduan	1
1.3 Keperluan Penyediaan Rumah Ibadat Islam	2
1.4 Perundangan dan Dasar Berkaitan	4
1.5 Skop Garis Panduan	4
1.6 Takrifan dan Klasifikasi Rumah Ibadat Islam	5
2.0 PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN	7
2.1 Peranan Penting Rumah Ibadat Islam	7
2.2 Prinsip Penyediaan Rumah Ibadat Islam	8
2.3 Hubung Kait Fungsi dan Peranan Rumah Ibadat Islam Semasa dan Akan Datang	9
3.0 GARIS PANDUAN UMUM (GPU)	10
GPU 3.1 Perancangan Tapak	10
GPU 3.2 Reka bentuk	16
GPU 3.3 Komponen Kemudahan	21
GPU 3.4 Kawalan Lalu Lintas	23
4.0 GARIS PANDUAN KHUSUS (GPK)	24
GPK 4.1 Garis Panduan Masjid Negara, Negeri/Wilayah	24
GPK 4.2 Garis Panduan Masjid Daerah/Jajahan	27
GPK 4.3 Garis Panduan Masjid Tempatan	30
GPK 4.4 Garis Panduan Surau / Surau Jumaat	35
GPK 4.5 Garis Panduan Ruang Solat/ Musala	39
GPK 4.6 Garis Panduan Rumah Ibadat Pelancongan	41
5.0 MEKANISMA PERANCANGAN, PENGAWALAN DAN PENGUATKUASAAN	43
6.0 PENUTUP	46



SENARAI RAJAH

Rajah 1: Peruntukan Dalam Perlembagaan Persekutuan	2
Rajah 2: Keseimbangan Doktrin Perancangan	3
Rajah 3: Radius Keharmonian Antara Rumah Ibadat Islam dengan Rumah Ibadat Bukan Islam	15

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Klasifikasi dan Takrifan Rumah Ibadat Islam	5
Jadual 2: Hubung Kait Peranan dan Fungsi Rumah Ibadat	9
Jadual 3: Hierarki Rumah Ibadat Islam Mengikut Hierarki Petempatan	10
Jadual 4: Saiz Rumah Ibadat Islam Mengikut Saiz Tadahan Penduduk	11
Jadual 5: Penyediaan Rumah Ibadat Islam Dalam Satu Perbandaran	12
Jadual 6: Komponen Kemudahan Mengikut Hierarki Rumah Ibadat Islam	22
Jadual 7: Agensi Bertanggungjawab Bagi Penyediaan Rumah Ibadat Islam	39

GLOSARI

PBN	- Pihak Berkuasa Negeri
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PBPT	- Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
JAKIM	- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MAIN	- Majlis Agama Islam Negeri
JAIN	- Jabatan Agama Islam Negeri
PTP	- Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PTG	- Pejabat Tanah Galian
PTD	- Pejabat Tanah dan Daerah
PLANMalaysia	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
LCP	- Laporan Cadangan Pemajuan
KM	- Kebenaran Merancang
OSC	- <i>One Stop Center</i> (Pusat Setempat)
Akta 171	- Akta Kerajaan Tempatan
Akta 172	- Akta Perancangan Bandar & Desa 1976
GPP	- Garis Panduan Perancangan
RIBI	- Rumah Ibadat Bukan Islam
OKU	- Orang Kelainan Upaya
CPTED	- <i>Crime Prevention through Environmental Design</i>
SPAH	- Sistem Pengumpulan & Penggunaan Semula Air Hujan
CCTV	- <i>Closed-Circuit Television</i>
TLK	- Tempat Letak Kenderaan
CCC	- Perakuan Siap dan Pematuhan

PENDAHULUAN

- 1.1 Tujuan Garis Panduan**
- 1.2 Latar Belakang Garis Panduan**
- 1.3 Keperluan Penyediaan Rumah Ibadat Islam**
- 1.4 Perundangan dan Dasar Berkaitan**
- 1.5 Skop Garis Panduan**
- 1.6 Takrifan dan Klasifikasi Rumah Ibadat Islam**

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Garis Panduan

Tujuan Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam disediakan adalah untuk:

- Menambahbaik GPP sedia ada dengan mengambil kira keperluan semasa masyarakat dan pembangunan akan datang;
- Memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan rumah ibadat Islam (masjid dan surau) dalam rancangan pemajuan dan permohonan kelulusan kebenaran merancang;
- Membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak berkuasa Agama Islam, agensi yang berkaitan dan pemaju atau perunding dalam merancang peletakan, reka bentuk dan susun atur rumah ibadat Islam yang meliputi masjid, surau dan ruang/ bilik solat/ musala; dan
- Menjadi sumber rujukan utama bagi penyediaan kemudahan rumah ibadat Islam di kawasan pembangunan padat dengan penerapan amalan terbaik dan kaedah pembangunan yang selamat dan inklusif.

1.2 Latar Belakang Garis Panduan

Rumah ibadat Islam haruslah dibangunkan dengan mematuhi prinsip-prinsip perancangan selain bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat. Kajian pertama bagi GPP Rumah Ibadat Islam pernah dijalankan pada tahun 1997 manakala semakan semula GPP tersebut pula telah dijalankan pada tahun 2009 dengan mengguna pakai nama GPP Masjid dan Surau (GPP008-A).

Oleh itu, GPP Rumah Ibadat Islam ini disediakan dengan lebih komprehensif dan terperinci serta merangkumi aspek-aspek dan keperluan asas perancangan untuk digunakan di semua negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.



Tahun 1997
Garis Panduan Perancangan
Rumah Ibadat Islam



Tahun 2009
Garis Panduan Perancangan
Masjid dan Surau (GP008-A)



Tahun 2023
Garis Panduan Perancangan
Rumah Ibadat Islam

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

1.3 Keperluan Penyediaan Rumah Ibadat Islam

i. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan

Penyediaan kemudahan rumah ibadat Islam adalah perlu dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Perkara 3(1) di mana menetapkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Bagi tujuan itu, penyeragaman dalam penyediaan masjid, surau dan ruang/bilik solat/musala adalah penting untuk diselaraskan dengan dasar-dasar semasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

JAKIM merupakan pihak yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan kemajuan agama Islam di negara ini merangkumi aspek pengurusan masjid dan surau. Namun begitu, setiap perkara yang menyentuh hal ehwal Islam masih di bawah peranan dan tanggungjawab pihak kerajaan Negeri bagi negeri-negeri yang memiliki Sultan, Raja dan Yang Dipertuan Besar.

Rajah 1: Peruntukan Dalam Perlembagaan Persekutuan

Peruntukan Keagamaan Dalam Perlembagaan Persekutuan

PERKARA 3: Agama Bagi Persekutuan

- 1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan;
- 2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya;
- 3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu;
- 4) Tiada apa-apa jua dalam perkara ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini;
- 5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

ii. Kepatuhan Kepada Rukun Negara

Rukun Negara memastikan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang hidup bersatu padu dan mengetepikan perbezaan demi kehidupan harmoni masyarakat majmuk penduduk negara ini.

Kehidupan beragama adalah penting bagi setiap individu di Malaysia. Pegangan hidup beragama amat dituntut kerana ajaran agama membentuk keperibadian masyarakat yang berkualiti dan berakhlak mulia. Setiap agama mempunyai prinsip dan pegangan yang menyeru penganutnya agar sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

iii. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri

Merupakan akta dan enakmen yang dikawal selia oleh Majlis Agama Islam setiap negeri dan di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam setiap negeri.


Berdasarkan peruntukan pada Bahagian enam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 antara Seksyen 72 hingga 83, pengurusan masjid memerlukan permulaan prosedur dengan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Majlis. Majlis Agama Islam merupakan pemegang amanah kepada masjid dan tanah. Tapak pembinaan masjid mestilah telah diwakafkan kekal dan pembinaannya mendapat kebenaran Majlis. Selepas pembinaan, masjid mestilah diselenggarakan bagi memastikan masjid dalam keadaan baik dan bersih. Undang-undang yang diperuntukkan bagi pengurusan Masjid dapat mengawal kesalahan berhubung pembinaan Masjid yang tidak mengikut panduan yang ditetapkan.

iv. Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat

Doktrin perancangan dan Pembangunan Sejagat menekankan keseimbangan di antara pembangunan fizikal dengan pembangunan insan dari segi kerohanian dan nilai-nilai murni sejagat untuk kemajuan negara yang berterusan. Ia menjadi landasan dalam membentuk prinsip, strategi dan model perancangan dan pembangunan.

Ia juga menekankan keseimbangan di antara pembangunan fizikal dengan pembangunan insan dari segi kerohanian dan nilai-nilai murni sejagat untuk kemajuan negara yang berterusan.

Rajah 2:
Keseimbangan Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejabat



1. Hubungan Manusia Dengan Pencipta

- Perancangan pembangunan hendaklah sentiasa mengingati Pencipta.

2. Hubungan Manusia Dengan Manusia

- Memperkukuhkan dan memberi fokus terhadap pembangunan insan dan kemasyarakatan;
- Memberi perhatian kepada keperluan kepelbagaian masyarakat.

3. Hubungan Manusia Dengan Alam Sekitar

- Memakmurkan bumi dengan membina, mengindahkan dan menyelamatkan alam sekitar;
- Memastikan sumber alam dijaga sebaik mungkin untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

1.4 Perundangan Dan Dasar Berkaitan

Senarai perundangan dan dasar yang berkaitan dalam penyediaan kemudahan keagamaan ditunjukkan seperti berikut.

Peringkat Antarabangsa

- Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)
- Agenda Perbandaran Baharu (NUA)

Perlembagaan Negara

- Perlembagaan Persekutuan
- Rukun Negara

Peringkat Negara

Dasar Peringkat Kebangsaan

- Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).
- Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN Ke-4).
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
- Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2).
- Dasar Warga Emas Negara (2020).
- Dasar Orang Kurang Upaya (2016 -2022).
- Dasar Sosial Negara (DSN).
- Dasar Keluarga Malaysia (DKM).

Akta

- Kanun Tanah Negara (Akta 56).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172).
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).
- Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).
- Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Garis Panduan Perancangan

- Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kereta (GP001-A/2018).
- Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang (GP005-2021).
- Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) (GP015-A/2011).
- Garis Panduan Kemudahan Masyarakat (GP004-A/2020).
- Garis Panduan Perumahan (GP001-A/2016).
- Garis Panduan Kejiranan Hijau (GP024/2012).
- Garis Panduan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) (GP028/2018).
- Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED), 2010

Prinsip dan Asas Rujukan Garis Panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- Masjid Konsep Rahmah
- Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM)

1.5 Skop Garis Panduan

GPP ini meliputi perancangan rumah ibadat Islam yang akan merangkumi penyediaan masjid, surau dan ruang solat/ musala. Beberapa aspek utama perancangan tapak, reka bentuk dan keperluan lain diberi penekanan bagi menyediakan GPP yang komprehensif. GPP ini tidak meliputi institusi keagamaan Islam yang tidak digunakan untuk tujuan beribadat seperti pusat Islam/pusat dakwah dan madrasah (tempat belajar agama).

Garis Panduan Rumah Ibadat Islam akan merangkumi;

- i. Pengenalan;
- ii. Prinsip - Prinsip Perancangan;
- iii. Garis Panduan Umum;
- iv. Garis Panduan Khusus;
- v. Kaedah Pembangunan; dan
- vi. Mekanisme Perancangan, Pengawasan dan Penguatkuasaan.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

1.6 Takrifan dan Klasifikasi Rumah Ibadat Islam

Takrifan rumah ibadat Islam boleh didefinisikan sebagai satu tempat dengan struktur bangunan dan dilengkapi dengan komponen dan kemudahan untuk membolehkan jemaah melakukan aktiviti keagamaan dan aktiviti masyarakat mengikut tuntutan agama.

Berdasarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terdapat tiga kategori rumah ibadat Islam iaitu Masjid, Surau dan Ruang Solat/Musala yang mempunyai takrifan, klasifikasi dan fungsi seperti di **Jadual 1**.

Aktiviti Masyarakat - termasuk aktiviti perayaan, sukan, riadah, kebajikan, kesihatan, perubatan tradisional, perkahwinan, rumah/bilik orang tua, tadika, sekolah agama, pusat jagaan, tuisyen, kelas moral dan budaya, kelas kemahiran, dan lain-lain aktiviti untuk/bersama masyarakat.

Aktiviti Agama - ibadat solat fardu lima waktu dan solat Jumaat serta aktiviti-aktiviti ibadah lain yang dijalankan atau disambut berkaitan dengan peristiwa-peristiwa dalam tahun Hijrah sebagai contoh sambutan Maulidur Rasul S.A.W., Maal Hijrah, peristiwa Israk dan Mikraj, ibadah korban dan lain-lain.

Jadual 1: Klasifikasi dan Takrifan Rumah Ibadat Islam

KATEGORI	KLASIFIKASI	TAKRIFAN
Masjid	<ol style="list-style-type: none">1. Masjid Negara;2. Masjid Negeri/ Wilayah;3. Masjid Daerah/ Jajahan/ Bandar;4. Masjid Tempatan (Masjid Mukim, Masjid Kariah/ Zon, Masjid yang mempunyai fungsi khas seperti Masjid Kerajaan, Institusi dan Yayasan);5. Masjid Iktikaf *(hanya terdapat di Negeri Kelantan dan tidak digunakan untuk solat Jumaat).	<ul style="list-style-type: none">• Masjid berasal dari perkataan Arab iaitu 'Sajd' yang merujuk kepada bersujud atau merendahkan diri semasa solat;• Masjid merupakan bangunan di mana solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat diadakan serta aktiviti-aktiviti ibadah lain dijalankan sebagai contoh takrifan berikut: Berdasarkan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta505], Masjid di takrifkan sebagai suatu bangunan yang digunakan bagi solat Jumaat dan solat lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam dan termasuk mana-mana masjid atau surau atau madrasah.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

Sambungan

KATEGORI	KLASIFIKASI	TAKRIFAN
Surau	1. Surau	<ul style="list-style-type: none"> Surau merupakan bangunan bagi orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan setempat pada skala yang lebih kecil berbanding masjid; Surau tidak digunakan untuk mendirikan solat Jumaat, kecuali bagi keadaan-keadaan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri. Selain itu, surau juga ditakrifkan sebagai bangunan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri sebagai tempat untuk mendirikan solat atau melakukan kegiatan lain yang dibenarkan oleh agama Islam; Mempunyai badan pengurusan surau yang dilantik dalam kalangan penduduk setempat selain berada di bawah rangkaian Masjid Kariah setempat dan mendapat atau berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri.
	2. Surau Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> Surau yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam untuk solat Jumaat disebabkan faktor pertambahan jemaah.
Ruang Solat/ Musala	1. Ruang Solat/ Musala bagi pembangunan bertingkat (seperti pusat perniagaan, pasar raya, pangsapuri perkhidmatan, SOHO dan lain-lain).	<ul style="list-style-type: none"> Ruang Solat/ Musala ertinya tempat atau ruang yang disediakan khas untuk mendirikan solat dan disertakan dengan ruang berwuduk; Ruang Solat/ Musala yang disediakan di pembangunan bertingkat sebagai salah satu komponen kemudahan. Musala kebiasaannya terdapat di bangunan komersial dan kawasan tumpuan awam seperti pusat membeli belah, pejabat serta kawasan rehat dan rawat di lebuhraya; Digalakkan mempunyai badan pengurusan Ruang Solat/ Musala yang diuruskan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau pihak pengurusan bangunan (MC).

Nota: JMB – Joint management Body
MC - Management Cooperation

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN

- 2.1 Peranan Penting Rumah Ibadat Islam**
- 2.2 Prinsip Penyediaan Rumah Ibadat Islam**
- 2.3 Hubung Kait Peranan dan Fungsi Rumah Ibadat Islam Semasa dan Akan Datang**

2.0

PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN

2.1 Peranan Penting Rumah Ibadat Islam

Prinsip-prinsip perancangan bagi penyediaan masjid, surau dan musala adalah berasaskan kepada peranan dan fungsi rumah ibadat seperti yang dijelaskan oleh tokoh terkemuka dalam dakwah Islam dan kesusasteraan Arab pada abad ke-20 iaitu As-Syeikh Ali Al-Tantawi:



Sebagai Rumah Ibadat Untuk Solat Fardu dan Sunat

Mengikut istilah syarak, masjid juga disebut sebagai Rumah Allah iaitu tempat paling suci yang wajib dipelihara dan dimakmurkan. Islam meletakkan masjid sebagai komponen penting di dalam sesebuah bandar atau di sesebuah kawasan petempatan. Ianya adalah simbol yang melambangkan kekuatan akidah penganut Islam. Secara khusus, masjid adalah tempat bagi mendirikan solat secara berjemaah, solat Jumaat dan solat tarawih. Ianya juga digunakan sebagai tempat mengurus dan menyembahyangkan jenazah.



Sebagai Tempat Syura Dan Interaksi Masyarakat Setempat

Masjid merupakan tempat perjumpaan dan perbincangan di kalangan umat Islam. Ianya juga berperanan sebagai tempat menyampaikan maklumat berhubung urusan kemasyarakatan dan bertindak sebagai tempat Baitulmal dan pengumpulan zakat. Aktiviti selainnya seperti program Maulidur Rasul, korban, ziarah dan sebagainya juga dijalankan di masjid. Masjid berperanan untuk menggalak dan mengeratkan persaudaraan dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi kesatuan dan perpaduan umat Islam.



Sebagai Pusat Aktiviti Pengembangan Dakwah, Keilmuan dan Pendidikan

Di dalam tradisi Islam, masjid juga berperanan sebagai pusat pendidikan, pengembangan dakwah dan ilmu yang penting. Ianya adalah tempat aktiviti memberi, menerima Ad-Din dan ceramah agama. Sebagai pusat pendidikan dan pengembangan agama, ianya hendaklah mempunyai ruang khas perpustakaan atau tempat rujukan yang menempatkan kitab serta buku-buku agama.



Sebagai Tempat Pertemuan Harian Masyarakat

Masjid sebagai tempat untuk masyarakat setempat menjalankan usaha-usaha kebajikan termasuk bantuan kecemasan, tempat sumber rujukan maklumat berkenaan agama Islam dan lain-lain perkara yang melibatkan pembangunan masyarakat setempat.



Sebagai Rumah Taqwa

Persekitaran yang damai di masjid membolehkan individu Islam untuk berdampingan dengan Allah SWT, tempat untuk berdoa dan beri'tikaf.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

2.2 Prinsip Penyediaan Rumah Ibadat Islam

Prinsip asas penyediaan rumah ibadat Islam merangkumi enam prinsip seperti berikut.



Syar dan Mercu Tanda Pembangunan

Untuk melahirkan insan yang sentiasa mengingati kewujudan Pencipta, maka rumah ibadat Islam khususnya masjid hendaklah menjadi elemen yang penting dalam sesuatu komponen pembangunan dari segi peletakan dan persekitaran. Rumah ibadat Islam hendaklah menjadi syiar dan mercu tanda yang unggul sesebuah bandar atau petempatan.



Fokus Untuk Membangunkan Insan

Untuk membangunkan insan yang berilmu dan bermoral, rumah ibadat Islam hendaklah lengkap dengan kemudahan bagi meningkatkan kefahaman, kesedaran dan kecemerlangan diri. Ini dicapai melalui kepelbagaian aktiviti keilmuan lain ke arah peningkatan ketakwaan dan keilmuan.



Mesra Alam

Pembangunan rumah ibadat Islam hendaklah mementingkan penggunaan sumber tenaga yang optimum, cekap dan mesra alam.



Berharmoni dan Selamat

Untuk ketenangan beribadat, suasana persekitaran yang harmoni dan damai adalah diperlukan. Rumah ibadat Islam hendaklah serasi dengan guna tanah, aktiviti dan masyarakat persekitarannya serta bebas dari risiko bencana alam. Ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan keperluan kesendirian jemaah dan pengunjung hendaklah diutamakan.



Indah dan Berseni

Nilai-nilai estetika dengan mengambilkira penonjolan ciri-ciri kesenian dan keindahan yang unggul, bernilai tinggi serta pengekaln elemen-elemen bersejarah hendaklah diutamakan. Keindahan alam semula jadi hendaklah sentiasa dimanfaatkan. Aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penghijauan, pewujudan badan air dan ciri-ciri keindahan yang boleh mewujudkan suasana damai hendaklah sentiasa dititikberatkan bagi membolehkan ibadat dilakukan dengan lebih khusyuk.



Berfungsi dan Hidup

Rumah ibadat Islam hendaklah sentiasa diimarahkan bersesuaian dengan peranannya sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan, pusat pendidikan dan ilmu. Aspek kemudahsampaian dan penyediaan kemudahan sokongan menjadi faktor utama bagi memastikan rumah ibadat Islam dapat berfungsi dengan efisien dan efektif.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

2.3 Hubung Kait Peranan dan Fungsi Rumah Ibadat Islam Semasa dan Akan Datang

Hubung kait peranan dan fungsi rumah ibadat Islam dikategorikan kepada tiga komponen utama seperti berikut :

Jadual 2: Hubung Kait Peranan dan Fungsi Rumah Ibadat

KOMPONEN UTAMA	PERANAN DAN FUNGSI		KEPERLUAN RUANG
	SEMASA	TAMBAHAN AKAN DATANG	
Pengurusan Masjid	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat atau tempat • Taman landskap 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat pemeraksanaan komuniti dan alam sekitar 	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat Baitulmal dan pengumpulan zakat; • Reka bentuk bangunan / landskap yang beridentiti dan ciri seni bina Islam yang tulen.
Pengimarahannya Masjid	<ul style="list-style-type: none"> • Gerbang ilmu dan dakwah • Pusat kegiatan ekonomi • Tempat tarikan pelancongan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang ilmu • Pusat kaunseling dan runding cara • Mewujudkan peluang perniagaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat jualan ringan seperti gerai/kios; • Penyewaan dewan dan penganjuran kursus. • Kelas kemahiran seperti kelas memasak, menjahit dan lain-lain; • Ruangan landskap dan penanaman hijau seperti kebun komuniti (tanaman hidroponik, fertigasi dan lain-lain); • Dewan pameran/ muzium kecil (balai Islam); • Ruang mengaji Al-Quran dan kitab; • Tempat aktiviti mengajar/ceramah agama; • Perpustakaan sebagai rujukan atau kajian dalam hal-hal berkaitan; • Ruang bacaan terbuka; • Tadika dan Bilik kaunseling.
Kemudahan Prasarana	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat atau Tempat ibadah 	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang ibadat yang inklusif bagi golongan OKU dan warga emas (penerapan elemen reka bentuk sejagat) 	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang ibadat berjemaah (solat Jumaat, Solat Fardu dan Sunat); • Ruang mengambil wuduk; • Rumah atau bilik Imam dan Bilal; • Keperluan tandas awam, bilik mandi dan bilik persalinan berasingan; • Bilik penyusuan bayi; • Tempat rehat/ bilik bagi musafir; • Ruang tempat letak kenderaan; • Reka bentuk sejagat bagi setiap komponen pembangunan; • Ruang khas penyembelihan korban; • Bilik ICT dengan kemudahan WiFi.
	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat kemudahan masyarakat setempat dan kegiatan sosial 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat pengumpulan dan pengagihan bantuan • Pusat kecemasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat kemudahan riadah • Rawatan kesihatan • Khidmat komuniti



GARIS PANDUAN UMUM (GPU)

GPU 3.1 Perancangan Tapak

GPU 3.2 Reka Bentuk

GPU 3.3 Penggunaan Ruang

GPU 3.4 Kawalan Lalu Lintas

3.0

GARIS PANDUAN UMUM

GPU 3.1 Perancangan Tapak

- Penyediaan rumah ibadat Islam hendaklah berpandukan hierarki petempatan seperti di **Jadual 3**;
- Hierarki petempatan di sesebuah negeri boleh dirujuk kepada rancangan pemajuan, khususnya rancangan struktur dan rancangan tempatan yang berkuatkuasa di peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- Bagi masjid di hierarki tinggi seperti Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah, pembangunannya hendaklah menjadi mercu tanda bagi kawasan berkenaan;
- Bagi kawasan petempatan sedia ada yang mempunyai masjid, pendekatan untuk menaik taraf masjid sedia ada perlu diberi keutamaan supaya dapat menampung pertambahan jemaah;
- Manakala bagi kawasan pempandaran baharu, masjid berdasarkan hierarki petempatan yang bersesuaian hendaklah disediakan.

Jadual 3: Hierarki Rumah Ibadat Islam Mengikut Hierarki Petempatan

HIERARKI RUMAH IBADAT ISLAM	PERINGKAT	HIERARKI PETEMPATAN
Masjid Negara	• Peringkat Negara	• Pusat Utama Negara
Masjid Negeri/ Wilayah	• Peringkat Negeri / Wilayah	• Pusat Wilayah Negara • Pusat Wilayah Negeri
Masjid Daerah/Jajahan	• Peringkat Daerah/ Jajahan / Bandar	• Pusat Separa Wilayah Negeri • Pusat Petempatan Utama
Masjid Tempatan	• Peringkat Mukim/ Bandar/ Kampung/ Kawasan Perumahan • Fungsi Umum: Masjid Jamek/ Mukim/ Kariah/ Zon • Fungsi Khusus: Masjid Kerajaan/ Masjid Institusi/ Masjid Yayasan/ Masjid Bandar	• Pusat Petempatan Utama • Pusat Petempatan Kecil • Pusat Petempatan Desa • Pusat Kejiranan/ Kampung/ Kawasan perumahan
Surau Jumaat	• Surau yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam untuk solat Jumaat disebabkan faktor pertambahan jemaah.	• Pusat Petempatan Desa • Pusat Kejiranan/ Kampung/ Kawasan perumahan
Surau	• Disediakan bagi menyokong penyediaan masjid di semua peringkat petempatan/ pusat kejiranan/ kampung/ kawasan perumahan.	
Musala	• Disediakan di tempat-tempat/ bangunan-bangunan tumpuan orang awam.	-

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

ii. Saiz Rumah Ibadat Islam Mengikut Tadahan Penduduk

- Penyediaan rumah ibadat Islam adalah berdasarkan kepada saiz tadahan penduduk di sesuatu kawasan pembangunan yang dirancang;
- Kawasan berkepadatan tinggi seperti perbandaran hendaklah menyediakan ruang rumah ibadat Islam yang mencukupi serta dilengkapi kemudahan sokongan yang diperlukan;
- Manakala bagi kawasan berkepadatan rendah seperti kampung hendaklah menyediakan rumah ibadat Islam berdasarkan bilangan jemaah yang lebih rendah. Surau tidak perlu disediakan sekiranya telah terdapat kemudahan masjid melainkan kapasiti masjid berkenaan tidak mencukupi untuk menampung bilangan jemaah semasa;
- Rumah ibadat Islam hendaklah disediakan di kawasan tumpuan utama yang mempunyai jemaah walaupun tidak mempunyai penduduk bermukim.



Penyediaan rumah ibadat Islam berdasarkan saiz tadahan penduduk dan hierarki Masjid/Surau.

Jadual 4: Saiz Rumah Ibadat Islam Mengikut Saiz Tadahan Penduduk

PELETAKAN	SAIZ TADAHAN PENDUDUK	HIERARKI	UNIT	SAIZ
Bandar	5,0001- 10,000	• Masjid Bandar	1	3.0 ekar
	2,501 - 5,000	• Masjid Kejiranan	1	1.5 ekar
	1,001 - 2,500	• Surau Kejiranan	1	0.5 ekar
Luar Bandar	>1,001	• Masjid Luar Bandar	1	1.0 ekar
	<1,000	• Surau Luar Bandar	1	0.5 ekar

iii. Konsep Peletakan Rumah Ibadat Islam dalam Satu Perbandaran


- Bagi satu perbandaran yang melebihi 10,000 penduduk (2,500 unit rumah) digalakkan Konsep Kluster Berpusat. Dicadangkan bagi setiap satu (1) Masjid Bandar hendaklah disokong dengan dua (2) Masjid Kejiranan dan empat (4) Surau Kejiranan (rujuk Rajah 2). Manakala bagi kawasan perbandaran yang mempunyai 5,000 penduduk (1,250 unit rumah) dicadangkan menyediakan satu (1) Masjid Kejiranan dan dua (2) Surau Kejiranan. (Rujuk Jadual 5 dan rajah 2)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

Jadual 5: Penyediaan Rumah Ibadat Islam Dalam Satu Perbandaran

PERBANDARAN	HIERARKI	BILANGAN UNIT	LUAS KESELURAHAN
10,000 Penduduk (2,500 unit rumah)	• Masjid Bandar	1	3.0 ekar
	• Masjid Kejiranan	2	3.0 ekar
	• Surau Kejiranan	4	2.0 ekar
5,000 Penduduk (1,250 unit rumah)	• Masjid Kejiranan	1	1.5 ekar
	• Surau Kejiranan	2	1.0 ekar


Rajah 2: Konsep Peletakan Rumah Ibadat Islam dalam Satu Perbandaran




iv. Lokasi dan Guna Tanah

- Guna tanah rumah ibadat Islam hendaklah selaras dengan kelas guna tanah seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Tempatan;
- Rumah ibadat Islam perlulah dibina di lokasi yang mudah diakses selain digalakkan berhampiran dengan kawasan kediaman;
- Peletakan rumah ibadat hendaklah bersesuaian dan mengambil kira guna tanah persekitaran tapak;
- Rumah ibadat Islam tidak dibenarkan ditempatkan:
 - a. Kedudukan atau peletakannya di bawah tanah (*underground*) bagi semua pembangunan khususnya bagi pembangunan bertingkat; dan
 - b. Pembangunan berorientasikan pengangkutan (TOD) di ruang udara (*sky-bridge*).

Kedudukan di bawah tanah tidak dibenarkan




Kedudukan di ruang udara tidak dibenarkan




GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

v. Kesesuaian Tapak dan Topografi

- Topografi tapak rumah ibadat Islam di kawasan berbukit, curam dan berlembah serta di kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) adalah tidak digalakkan atas faktor keselamatan. Bagi mana-mana permohonan di kawasan yang dinyatakan tersebut, sekiranya tidak dapat dielakkan perlu merujuk kepada Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKSAS);
- Pemilihan lokasi tapak rumah ibadat Islam digalakkan di kawasan yang kondusif dan selesa. Penekanan perlu diberi terhadap persekitaran yang tenteram bagi memastikan keselesaan untuk beribadat diberi keutamaan.
- Peletakan rumah ibadat Islam digalakkan di kawasan berhampiran taman, tanah lapang, kawasan tasik, kawasan institusi, kawasan pendidikan;
- Rumah ibadat Islam tidak dibenarkan ditempatkan;
 - a. Kawasan berisiko bencana (hakis, tanah runtuh dan banjir);
 - b. Kawasan rizab hutan, rizab sungai, rizab utiliti dan rizab kemudahan awam yang lain;
 - c. Berhampiran kawasan industri berisiko tinggi yang mendatangkan pencemaran udara, bau, bunyi dan asap yang berterusan; dan
 - d. Berhampiran loji rawatan pembetungan dan tapak pelupusan sisa pepejal.



Kesesuaian tapak perlulah mengambil kira kesesuaian persekitaran.



vi. Kemudahan Utiliti dan Infrastruktur

- Tapak kemudahan rumah ibadat Islam yang diserahkan oleh pemaju hendaklah dilengkapi dan integrasikan dengan infrastruktur dan utiliti asas yang mencukupi seperti bekalan air dan elektrik, sistem perparitan dan saliran, pembetungan dan rangkaian jalan raya;
- Pemaju hendaklah menyediakan jambatan atau jejantas bagi menghubungkan rumah ibadat dengan kawasan sekitarnya sekiranya diperlukan.




Infrastruktur dan utiliti asas hendaklah tersedia.


GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

vii. Kemudahsampaian

- Kemudahan rumah ibadat Islam hendaklah mudah diakses oleh masyarakat setempat melalui kenderaan dan berjalan kaki;
- Lokasi rumah ibadat Islam perlulah berdekatan dengan akses utama serta digalakkan berada dalam radius 400 meter dari stesen perhentian pengangkutan awam bagi meningkatkan aksesibiliti kepada penganut dan pengunjung;
- Akses kepada rumah ibadat tidak digalakkan dihubung secara terus dengan Jalan Pengumpul Utama (100' dan ke atas) dan digalakkan dihubung melalui dari Jalan Pengumpul Kecil (66') atau Jalan Tempatan (50');
- Sambungan laluan pejalan kaki dan basikal dengan pembangunan sekitar digalakkan disediakan dengan merujuk bersama GPP Perumahan (GP001-A/2016), GP Kejiranan Hijau (GP024/2012) dan garis panduan yang berkaitan bagi penyediaan kemudahan ini.



Akses utama digalakkan dalam jarak 400 meter.



Hierarki jalan rumah ibadat.


viii. Koridor Keharmonian Antara Rumah Ibadat Islam Dengan Rumah Ibadat Bukan Islam

- Koridor keharmonian dibentuk untuk mempromosi pemahaman, toleransi antara semua agama. Maka jarak antara rumah ibadat Islam dan bukan Islam disyorkan mengikut tiga (3) hierarki seperti **Rajah 3**;
- Dalam koridor keharmonian ini, masjid merupakan titik *focal* utama. Justeru itu, disarankan ketinggian bagi tempat ibadat bukan Islam yang berada dalam koridor ini seboleh-bolehnya tidak mengatasi ketinggian struktur paling tinggi Masjid (*minaret*);
- Ini bertujuan untuk menjamin keamanan dan kedamaian supaya setiap masyarakat boleh hidup dengan selesa dengan memahami dan menghormati adat atau kepercayaan agama lain selaras dengan negara Malaysia yang memiliki berbilang kaum dan agama.


GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

Rajah 3: Radius Keharmonian Antara Rumah Ibadat Islam dengan Rumah Ibadat Lain-Lain Agama


MASJID NEGERI



MASJID DAERAH




MASJID TEMPATAN



i. Konsep


- Konsep yang digalakkan dalam pembinaan rumah ibadat Islam haruslah mempraktikkan tiga elemen yang asas iaitu udara, air dan cahaya;
- Contoh konsep rumah ibadat Islam adalah seperti Masjid Dalam Taman, Konsep Masjid Lestari dan lain-lain;
- Reka bentuk susun atur digalakkan menunjukkan integrasi penggunaan ruang dan tanah yang optimum bagi mengelak pembaziran.



Konsep pembinaan rumah ibadat Islam haruslah mengoptimumkan penggunaan tanah dan ruang.

ii. Reka Bentuk Tapak


- Reka bentuk tapak hendaklah bersesuaian iaitu berbentuk "Segi Empat" bagi memudahkan perancangan dan pembinaan;
- Bentuk tanah yang tidak lazim (*oddly-shape*) adalah tidak digalakkan. Namun begitu, sekiranya tapak kemudahan terletak dalam bentuk tanah yang tidak lazim, reka bentuk bangunan hendaklah disesuaikan dengan reka bentuk tapak dan memenuhi komponen asas rumah ibadat seperti arah kiblat.



Reka bentuk tapak segi empat tepat yang bersesuaian.

iii. Reka Bentuk Bangunan

- Reka bentuk bangunan digalakkan mengikut tradisi dan ciri-ciri budaya sesuatu tempat;
- Reka bentuk bangunan yang berkonsep moden kontemporari juga digalakkan namun masih perlu menekankan ciri-ciri seni bina Islam yang diterapkan pada struktur, ukiran, reka bentuk dan lain-lain bahagian bangunan. Reka bentuk dan struktur bangunan perlulah mengambil kira keselesaan untuk beribadat sebagai keutamaan;
- Rupa bentuk dan seni bina yang mempunyai nilai sejarah atau warisan hendaklah dipelihara dan dipulihara. Kerja-kerja pengubahsuaian dan pembangunan semula perlulah dilakukan secara teliti agar tidak merosakkan struktur, rupa bentuk dan karakter asal bangunan;
- Susun atur rumah ibadat hendaklah memaksimumkan penggunaan setiap ruang dalam bangunan;
- Pembinaan struktur asas bangunan (*building foundation*) tingkat bawah yang boleh menampung anjakan bangunan dan penambahan tingkat atas pada masa akan datang adalah digalakkan.




Reka bentuk bangunan adalah mengikut tradisi dan ciri-ciri budaya.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

iv. Arah Kiblat

- Kedudukan, orientasi dan bentuk tapak rumah ibadat Islam hendaklah mengambil kira arah kiblat;
- Pengesahan arah kiblat hendaklah diperolehi daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau JAKIM sebelum mengemukakan perancangan pembangunan.



Mengambil kira arah kiblat dalam perancangan pembangunan.

v. Landskap

- Mewujudkan titik tumpuan landskap yang menarik dan menghidupkan suasana masjid atau surau;
- Menggalakkan penyediaan landskap yang mudah diselenggara dengan kos yang efektif;
- Menggalakkan integrasi ruangan landskap kejur dan lembut yang berfungsi, mesra pengguna untuk dijadikan ruang riadah dan interaksi jemaah seperti tempat duduk;
- Kebun komuniti atau taman mini digalakkan untuk dijadikan sebahagian daripada landskap dengan menyediakan teduhan, wakaf/ pondok rehat, tempat duduk dan elemen lain yang berkaitan;
- Reka bentuk landskap hendaklah bersesuaian dan mengikut spesifikasi dan identiti agar mewujudkan *sense of character and identity*.



Ruangan landskap yang berfungsi.

vi. Papan Makluman dan Tanda Arah

- Papan makluman dan tanda arah Masjid dan Surau hendaklah ditempatkan di pintu masuk utama rumah ibadat yang lokasinya strategik bagi memberi arah pergerakan dalam bangunan dan sekitarnya;
- Papan tanda arah bagi setiap ruangan di dalam rumah ibadat Islam hendaklah jelas, sesuai dan tidak terlindung;
- Penyediaan maklumat rumah ibadat yang menjelaskan kedudukan ruang, susun atur, fungsi ruang serta tatacara penggunaan kemudahan adalah digalakkan;
- Papan makluman tidak digalakkan menutup pandangan rumah ibadat.




Papan tanda yang jelas di pintu masuk.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

vii. Keperluan *Universal Design*


- Kemudahan bagi susun atur luaran dan dalaman bangunan masjid dan surau hendaklah disediakan dengan memberi pertimbangan sepenuhnya kepada *universal design* supaya boleh diakses secara bebas halangan (*barrier-free*) dan selamat untuk semua golongan pengguna;
- Antara ciri-ciri elemen yang disarankan seperti:
 - a. Kemudahan *ramp* dilengkapi susur tangan;
 - b. Tandas OKU yang mempunyai kemudahan rel pemegang, pintu gelongsor dan keperluan lain berciri spesifikasi OKU;
 - c. Tempat letak kereta OKU berhampiran pintu masuk utama bangunan;
 - d. Perkhidmatan lif juga digalakkan disediakan bagi bangunan bertingkat; dan
 - e. Menggalakkan sistem bunyi khas seperti *hearing loop system* yang digunakan kepada golongan yang mempunyai bantuan pendengaran.
- Penyediaan kemudahan ini hendaklah dirujuk bersama Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) 2011 (GP015-A).



Tempat letak kenderaan OKU berhampiran pintu masuk utama bangunan.

viii. Keselamatan

- Aspek keselamatan dalam bangunan masjid dan surau perlu diberi perhatian dengan penerapan elemen fizikal reka bentuk bangunan yang mampu mencegah kejadian jenayah;
- Antara ciri-ciri elemen yang disarankan dalam bangunan adalah:
 - a. Pencahayaan yang baik bagi meningkatkan pengawasan semula jadi;
 - b. Mempunyai pintu keluar masuk melalui satu pintu terkawal;
 - c. Menyediakan pintu kecemasan di lokasi yang tidak terlindung dan sesuai;
 - d. Peralatan pencegah kebakaran dan alat pemadam api perlu disediakan dengan kelulusan pihak Bomba; dan
 - e. Penyediaan sistem kawalan keselamatan bersepadu (CCTV).
- Penyediaan kemudahan ini hendaklah dirujuk bersama Panduan Pelaksanaan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (CPTED) 2011.



Pencahayaan yang baik.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

ix. Pelaksanaan Elemen Hijau


- Pelaksanaan elemen hijau digalakkan dalam rancangan reka bentuk bangunan bagi memastikan pengurusan tenaga yang lebih cekap seperti penggunaan solar panel dan lampu solar;
- Reka bentuk bangunan hendaklah mewujudkan keselesaan dalam bangunan seperti:
 - a. Meningkatkan siling bangunan, menyediakan ruang pengudaraan (*air-well*) dan halaman bagi menggalakkan pengudaraan semula jadi;
 - b. Menggalakkan pencahayaan melalui cahaya matahari dengan reka bentuk dinding menggunakan cermin atau *ventilation blocks* pada dinding bangunan;
 - c. Menggalakkan penggunaan *wuduk sprinkle water* bagi penjimatan air serta guna semula air wuduk (*recycle*) untuk kegunaan landskap;
 - d. Menanam tumbuh-tumbuhan pada permukaan mendatar dan menegak adalah digalakkan untuk mengurangkan kesan haba dan meningkatkan penyerapan karbon dioksida; dan
 - e. Orientasi bangunan dan ruang hendaklah dapat mengimbangkan pencahayaan semula jadi dan buatan.
- Menggalakkan amalan bekalan air alternatif melalui Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) bagi bangunan yang mempunyai bumbung $\geq 100\text{mp}$;
- Menggalakkan kitar semula sisa pepejal dan sisa makanan (pengkomposan).



Pelaksanaan elemen hijau akan menjimatkan sumber tenaga.

x. Piawaian Tahap Bunyi

- Piawaian tahap bunyi yang boleh diterima (*tolerable noise level*) berdasarkan *World Health Organization* ialah:
 - a. 7.00 pagi – 9.00 malam : 60db (A)Leq
 - b. 9.00 malam- 7. pagi: 55db (A)Leq
- Seboleh mungkin dalam waktu-waktu tersebut tahap bunyi dipatuhi, kecuali bagi tujuan azan dan program-program keagamaan;
- Terdapat perbezaan piawaian tahap bunyi yang dibolehkan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing.




Menyarankan piawaian tahap bunyi dipatuhi kecuali bagi tujuan azan dan program keagamaan.


GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

xi. Kesiapsiagaan Risiko Bencana dan Kecemasan

- Panduan Pusat Penempatan Sementara (PPS) sebagaimana saranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Majlis Keselamatan Negara dirujuk bagi Kesiapsiagaan Risiko Bencana dan Kecemasan di rumah ibadat;
- Rumah ibadat Islam perlu dipersiapkan dengan ciri keselamatan yang bersesuaian bagi menangani situasi kecemasan seperti mempunyai:
 - a. Tapak berhimpun kecemasan (*emergency assembly point*); dan
 - b. Laluan kecemasan seperti tangga dan susur tangga kedua bagi pembangunan melebihi dua tingkat.



Tapak berhimpun kecemasan yang lapang dan luas.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM


GPU 3.3

Komponen Kemudahan

i. Ruang Solat, Wuduk, Tandas dan Bilik Persalinan

Dewan/ ruang solat, pintu masuk dan tempat mengambil wuduk perlulah diasingkan antara jemaah lelaki dan perempuan.

Peletakan tandas dan bilik persalinan juga hendaklah diasingkan daripada bangunan utama rumah ibadat dan disediakan secara berasingan untuk jemaah lelaki dan perempuan.



Ruang mengambil wuduk yang selesa.

ii. Bilik Pengurusan Jenazah

Penyediaan ruang atau bilik pengurusan jenazah perlulah disediakan bagi masjid dan surau (keluasan dan kapasiti jemaah merujuk kepada hierarki rumah ibadat Islam dan penduduk tadahan).

Bilik pengurusan jenazah perlulah berdekatan dengan pintu masuk dan jalan bagi memudahkan urusan menguruskan jenazah.



Bilik pengurusan jenazah yang luas.

iii. Tapak Gerai atau Kiosk Bagi Perniagaan Ringan

Bagi menggalakkan aktiviti sosio ekonomi, penyediaan tapak gerai atau kiosk untuk disewakan kepada asnaf/ golongan yang kurang berkemampuan adalah digalakkan selain mampu menjadi sumber pendapatan sampingan kepada rumah ibadat. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada ketetapan negeri dan pihak berkuasa tempatan.



Kiosk dalam kawasan Masjid.

iv. Masjid-Stay

- *Masjid-stay* merupakan kemudahan penginapan kepada penganut Islam yang bermusafir. Kemudahan ini boleh disewakan dan dijadikan sumber pendapatan kepada rumah ibadat;
- Peletakan *Masjid-stay* haruslah berada tidak terlalu hampir dengan bangunan utama rumah ibadat bagi memastikan kebersihan kawasan persekitaran dan keselesaan jemaah yang datang untuk menunaikan ibadat;
- Susun atur peletakan kemudahan *Masjid-stay* haruslah diberi penelitian agar kebersihan sentiasa terjaga dan penyelenggaraan dalam tahap minimum tertakluk kepada ketetapan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.



Kedudukan Masjid-Stay yang tidak terlalu hampir dengan Masjid.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

v. Ruang Serbaguna


- Penyediaan ruang serba guna bagi kegunaan bilik rawatan (*sickbay*), bilik kaunseling dan lain-lain kegunaan;
- Penyediaan ruang serba guna adalah perlu bagi memastikan ketersediaan ruang untuk sebarang kecemasan atau aktiviti kemasyarakatan yang ingin dijalankan.



Menyediakan ruang serba guna yang berfungsi.

Jadual 6: Komponen Kemudahan Mengikut Hierarki Rumah Ibadat Islam


KOMPONEN KEMUDAHAN	MASJID NEGARA	MASJID NEGERI	MASJID DAERAH	MASJID TEMPATAN	SURAU
KOMPONEN ASAS					
Dewan/ Ruang Solat Utama	•	•	•	•	•
Mimbar & Mihrab	•	•	•	•	•
Pejabat Imam / Bilal	•	•	•	•	•
Bilik Mesyuarat / Pejabat	•	•	•	•	•
Tempat Mengambil Wuduk	•	•	•	•	•
Tandas & Bilik Persalinan	•	•	•	•	•
Tandas OKU (<i>Universal Design</i>)	•	•	•	•	•
Dapur dan Stor	•	•	•	•	•
Ruang Serba Guna (Bilik Kaunseling / Bilik Rawatan & Lain-lain Kegunaan)	•	•	•	•	
Laluan Pejalan Kaki	•	•	•	•	
Kawasan Landskap	•	•	•	•	
Bilik <i>Audio-visual</i>	•	•	•	•	
Bilik Pengurusan Jenazah	•	•	•	•	
Kuarters Imam dan Kakitangan Masjid	•	•	•		
Asrama/ Bilik Untuk Musafir	•	•	•		
Pusat Pelupusan Al-Quran Lama	•	•	•		
Tadika dan Taska	•	•			
Perpustakaan/ Bilik Bacaan	•	•			
Ruang Pameran	•	•			
Ruang Pungutan Zakat	•	•			
Sekolah Agama	•	•			
KOMPONEN SOKONGAN					
Pejabat Kadi	•	•	•		
Kemudahan Aktiviti Masyarakat Seperti Ruang Serba Guna	•	•	•	•	
Kafeteria	•	•	•		
Tanah Perkuburan	•	•	•		
Kebun Komuniti	•	•	•	•	
Ruang Pungutan Zakat			•	•	
Perpustakaan/Bilik Bacaan			•	•	
Ruang Pameran			•		
Sekolah Agama			•		
Pejabat / Kafeteria			•	•	
Kuarters Imam dan Kakitangan Masjid				•	
Asrama/ Bilik Untuk Musafir				•	
Pusat Pengumpulan Al-Quran Lama				•	
Tadika dan Taska				•	



Sirkulasi jalan sehalah rumah ibadat.

i. Sirkulasi dan Jalan Keluar Masuk

- Rumah ibadat perlulah menyediakan sekurang-kurangnya satu jalan keluar masuk utama yang menghubungkan sistem jalan perkhidmatan dengan jalan dalaman rumah ibadat;
- Akses rumah ibadat hendaklah mengikut hierarki jalan serta mampu menampung isi padu lalu lintas tanpa menimbulkan kacau ganggu dan kesesakan;
- Alternatif jalan keluar masuk juga digalakkan bagi mengurangkan kesesakan semasa solat Jumaat atau hari kebesaran Islam seperti perayaan;
- Reka bentuk sirkulasi hendaklah memudahkan kenderaan keluar masuk seperti penghantaran barang, pergerakan van jenazah dan sebagainya;
- Sirkulasi utama rumah ibadat Islam digalakkan menghala ke arah halaman rumah ibadat bagi memberi orientasi dan menggalakkan *sense of community*.



Penyediaan tempat letak kenderaan yang mencukupi.

ii. Tempat Letak Kenderaan (TLK)

- Rumah ibadat perlu dilengkapi TLK yang mencukupi dan disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan 2018 (GPP 011-A) dan Garis Panduan Pembangunan Stratum bagi penyediaan TLK *basement*;
- Penyediaan TLK digalakkan secara *offstreet parking* bagi mengurangkan gangguan kesesakan lalu lintas;
- Bagi rumah ibadat yang terletak di jalan utama yang sesak, penyediaan TLK yang mencukupi hendaklah disediakan dengan mengintegrasikan TLK berpusat dengan kawasan sekitar;
- Peletakan tempat letak kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU) hendaklah strategik dengan mengambil kira aksesibiliti ke pintu keluar atau masuk bangunan tersebut. Saiz minimum tempat letak kereta OKU sudut tepat adalah (3.6m X 6.6m).



Mengintegrasikan laluan pejalan kaki dan basikal ke rumah ibadat.

iii. Laluan Basikal dan Pejalan Kaki

- Laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal yang berlandskap digalakkan diintegrasikan dengan pembangunan sekitar agar jemaah dan pengunjung dapat mengunjungi rumah ibadat dengan selesa dan selamat.

GARIS PANDUAN KHUSUS (GPK)

GPK 4.1 Garis Panduan Masjid
Negara, Negeri/Wilayah

GPK 4.2 Garis Panduan Masjid
Daerah/Jajahan

GPK 4.3 Garis Panduan Masjid
Tempatan

GPK 4.4 Garis Panduan Surau /
Surau Jumaat

GPK 4.5 Garis Panduan Ruang
Solat/ Musala

GPK 4.6 Garis Panduan Rumah
Ibadat Pelancongan

4.0

GARIS PANDUAN

KHUSUS

GPK 4.1

Garis Panduan Masjid Negara, Negeri/Wilayah

i. Ruang Solat, Wuduk, Tandas dan Bilik Persalinan

- Masjid Negara 24 ekar
- Masjid Negeri/ Wilayah 7.4-12.4 ekar

ii. Kawasan Plinth

Maksimum 60% daripada keluasan tapak pembangunan.

iii. Saiz Jalan

- Jalan Perkhidmatan 66' (20.1m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk 50' (15.2m)

iv. Anjakan Bangunan

- Menghadap Jalan 40' (12.2m)
- Sempadan Bersama 20' (6.1m)


v. Perimeter Planting

- Menghadap Jalan masuk 10' (3.1m)
- Tepi dan belakang 3.2' (1m)


i. Perimeter planting boleh dikira dalam anjakan bangunan;

ii. Digalakkan penyediaan *grass crate parking* dan *potted plants* untuk menambah penyediaan landskap hijau;

iii. Boleh dikecualikan sekiranya telah disediakan dengan kelebaran 10' (3.1m) di luar sempadan tapak.



Contoh anjakan minimum bangunan.



Contoh penyediaan perimeter planting.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

vi. Kawasan Lapang

- Pembangunan Baharu : 10%
- Pembangunan *Infill* : 5%

vii. Tempat Letak Kenderaan

Tempat Letak Kereta (TLK)

Keperluan penyediaan TLK adalah merangkumi Ruang Solat Utama dan Kemudahan Sokongan dengan merujuk kepada GPP Tempat Letak Kenderaan 2018 (GPP 011-A).

- 1 ruang solat : 1mp
- 1 petak TLK : 15mp /15 jemaah

Tempat Letak Motosikal (TLM)


- 20% daripada jumlah TLK yang disediakan.

Tempat Letak Kereta OKU


- 2% daripada jumlah TLK (lokasi berhampiran pintu masuk utama dengan kemudahan *ramp* dan *railing*).

viii. Komponen Kemudahan Asas


- Dewan solat, mimbar dan mihrab
- Pejabat imam/ bilal
- Bilik mesyuarat/ pejabat
- Tempat mengambil wuduk berasingan lelaki & perempuan
- Tandas dan bilik persalinan yang berasingan lelaki & perempuan
- Tandas OKU
- Bilik *audio-visual*
- Dapur dan stor
- Ruang serba guna (bilik kaunseling / bilik rawatan)
- Laluan pejalan kaki dan kawasan landskap
- Bilik pengurusan jenazah
- Kuarters imam dan kakitangan masjid
- Asrama/ bilik untuk para musafir
- Tadika dan taska
- Perpustakaan/ bilik bacaan
- Ruang pameran
- Ruang untuk pungutan zakat
- Sekolah agama




Kawasan lapang yang berfungsi.



TLK digalakkan secara off-street parking.



TLK OKU berhampiran pintu masuk bangunan.



Contoh dewan solat yang tinggi dan luas.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

ix. Komponen Kemudahan Sokongan

- Pejabat kadi dan yang berkaitan.
- Kemudahan aktiviti masyarakat seperti dewan/ ruang serba guna.
- Tanah perkuburan.
- Kebun komuniti.



Dewan serba guna yang berasingan dari bangunan utama.

x. Elemen Tambahan

- Pusat Islam, Balai Islam atau Pusat Dakwah perlu ditempatkan di kawasan bersebelahan atau berhampiran dengan Masjid;
- Tapak khas bagi tapak kios aktiviti perniagaan ringan seperti kafeteria, kantin dan kedai cenderamata diletakkan di luar bangunan masjid. Aktiviti perniagaan diluar bangunan utama masjid beroperasi di luar waktu solat berjemaah tertakluk kepada ketetapan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Peletakan Kiosk di luar bangunan utama Masjid.

xi. Ciri-Ciri dan Reka Bentuk

- Reka bentuk bangunan masjid digalakkan mengikut tradisi dan ciri-ciri budaya atau menerapkan konsep moden kontemporari;
- Menara *minaret* sebagai mercu tanda di kawasan sekitar dengan fungsi lain seperti menara jam, faktor pencahayaan dan lain-lain;
- Menggalakkan reka bentuk bangunan yang berkonsepkan penjimatan dan penggunaan semula tenaga yang praktikal dan mudah untuk diselenggarakan.



Minaret sebagai mercu tanda.

xii. Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)

- Menyediakan kemudahan untuk golongan kurang upaya dengan mematuhi GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) 2011 (GP015-A);
- Rujuk Garis Panduan Umum keperluan *Universal Design* (m/s 18).

xiii. Pelaksanaan Elemen Hijau

- Rujuk Garis Panduan Umum Pelaksanaan Elemen Hijau (m/s 19)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

GPK 4.2

Garis Panduan Masjid Daerah/ Jajahan

i. Keluasan Tapak

Masjid Daerah/ Jajahan 2.5 – 7.4 ekar

ii. Kawasan Plinth


Maksimum 60% daripada keluasan tapak pembangunan

iii. Saiz Jalan

- Jalan Perkhidmatan 66' (20.1m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk 50' (15.2m)

iv. Anjakan Bangunan

- Menghadap Jalan 40' (12.2m)
- Sempadan Bersama 20' (6.1m)




Contoh anjakan minimum bangunan.

v. Perimeter Planting

- Menghadap jalan masuk 10' (3.1m)
- Tepi dan belakang 3.2' (1m)

- Perimeter planting* boleh dikira dalam anjakan bangunan;
- Digalakkan penyediaan *grass crate parking* dan *potted plants* untuk menambah penyediaan landskap hijau; dan
- Boleh dikecualikan sekiranya telah disediakan dengan kelebaran 10' (3.1m) di luar sempadan tapak.



Contoh penyediaan perimeter planting.

vi. Ketinggian Masjid


- Tertakluk kepada had ketinggian Rancangan Tempatan atau ketetapan negeri;
- Sekiranya pembangunan rumah ibadat Islam yang baharu berhampiran dengan rumah ibadat lain-lain agama mengikut jarak yang telah ditetapkan, ketinggian struktur bangunan atau menara azan (minaret) digalakkan lebih tinggi untuk menjadikannya *focal point*.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

vii. Kawasan Lapang

- Pembangunan Baharu : 10%
- Pembangunan *Infill* : 5%




Kawasan lapang yang berfungsi.

viii. Tempat Letak Kenderaan

Tempat Letak Kereta (TLK)

Keperluan penyediaan TLK adalah merangkumi ruang solat utama dan kemudahan sokongan dengan merujuk kepada GPP Tempat Letak Kenderaan 2018 (GPP 011-A).

- 1 ruang solat : 1mp
- 1 petak TLK : 15mp /15 jemaah




TLK digalakkan secara off-street parking.

Tempat Letak Motosikal (TLM)

- 20% daripada jumlah TLK yang disediakan

Tempat Letak Kereta OKU

- 2% daripada jumlah TLK (lokasi berhampiran pintu masuk utama dengan kemudahan *ramp* dan *railing*)




TLK OKU berhampiran pintu masuk bangunan.

ix. Komponen Kemudahan Asas

- Dewan solat mimbar & mihrab
- Pejabat imam/ bilal
- Bilik mesyuarat/ pejabat
- Tempat mengambil wuduk berasingan lelaki & perempuan
- Tandas dan bilik persalinan yang berasingan lelaki & perempuan
- Bilik *audio-visual*
- Dapur dan stor
- Ruang serba guna (bilik kaunseling /bilik rawatan)
- Laluan pejalan kaki dan kawasan landskap
- Bilik pengurusan jenazah
- Kuarters imam dan kakitangan masjid
- Asrama/ bilik untuk para musafir
- Pusat pelupusan al-quran lama

***(memadai bagi keperluan satu daerah satu pusat pelupusan Al-Quran lama, merujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri & Jabatan Agama Islam Negeri)**



Contoh dewan solat yang tinggi dan luas.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

x. Komponen Kemudahan Sokongan

- Pejabat kadi dan yang berkaitan
- Kemudahan aktiviti masyarakat seperti dewan/ ruang serba guna
- Kebun komuniti
- Ruang untuk pungutan zakat
- Ruang untuk perpustakaan/ bilik bacaan
- Ruang pameran
- Tadika dan taska
- Sekolah agama



Dewan serba guna yang berasingan dari bangunan utama.

xi. Kemudahan Tambahan


- Pusat Islam, Balai Islam atau Pusat Dakwah perlu ditempatkan di kawasan bersebelahan atau berhampiran dengan masjid;
- Tapak khas bagi tapak kios aktiviti perniagaan ringan seperti kafeteria, kantin dan kedai cenderamata diletakkan di luar bangunan masjid. Aktiviti perniagaan diluar bangunan utama masjid beroperasi di luar waktu solat berjemaah tertakluk kepada ketetapan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Peletakan Kiosk di luar bangunan utama Masjid.

xii. Ciri-Ciri dan Reka Bentuk

- Reka bentuk bangunan masjid digalakkan mengikut tradisi dan ciri-ciri budaya atau menerapkan konsep moden kontemporari;
- Menara *minaret* sebagai mercu tanda di kawasan sekitar dengan fungsi lain seperti menara jam, faktor pencahayaan dan lain-lain; dan
- Menggalakkan reka bentuk bangunan yang berkonsepkan penjimatan dan penggunaan semula tenaga yang praktikal dan mudah untuk diselenggarakan.



Minaret sebagai mercu tanda.

xiii. Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)

- Menyediakan kemudahan untuk golongan kurang upaya dengan mematuhi GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) 2011 (GP015-A);
- Rujuk Garis Panduan Umum keperluan *Universal Design* (m/s 18).

xiv. Pelaksanaan Elemen Hijau

- Rujuk Garis Panduan Umum Pelaksanaan Elemen Hijau (m/s 19)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

GPK 4.3

Garis Panduan Masjid Tempatan

i. Tadahan Penduduk dan Keluasan Tapak

Masjid Tempatan terdiri daripada tiga (3) hierarki seperti berikut.


	Pembangunan Baharu	Pembangunan <i>Infill</i>
1. Masjid Bandar		
• Tadahan Penduduk	5,0001- 10,000	Tertakluk kepada Majlis Agama Islam Negeri & Jabatan Agama Islam Negeri
• Keluasan Minimum	≥ 3.0 ekar	≥ 3.0 ekar
2. Masjid Kejiranan		
• Tadahan Penduduk	2,501 - 5,000	-
• Keluasan Minimum	≥ 1.5 ekar	≥ 1.5 ekar
3. Masjid Luar Bandar		
• Tadahan Penduduk	≥ 1,001	-
• Keluasan Minimum	≥ 1.0 ekar	≥ 1.0 ekar

ii. Kawasan *Plinth*

Maksimum 60% daripada keluasan tapak pembangunan.

iii. Jarak Antara Masjid Tempatan

- Masjid Tempatan - Masjid Tempatan Baharu/ Sedia Ada : 0.8 – 1.0km
- Masjid Tempatan - Surau : 0.2km
- Masjid Tempatan - Rumah Ibadat Lain-Lain Agama : 0.2km



Jarak antara masjid tempatan adalah mengikut kategori rumah ibadat.


iv. Saiz Jalan

Pembangunan Baharu

- Jalan Perkhidmatan : 66' (20.1m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk : 50' (15.2m)

Pembangunan *Infill*

- Jalan Perkhidmatan : 50' (15.2m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk : 40' (12.1m)




Contoh saiz jalan minimum bagi pembangunan baharu.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

v. Anjakan Bangunan


- Menghadap Jalan 40' (12.2 m)
- Sempadan Bersama 20' (6.1 m)



Contoh anjakan minimum bangunan.

vi. Perimeter Planting


- ≤ 1.2 ekar Dikecualikan *perimeter planting*.
- ≥ 1.2 ekar
 - Menghadap jalan masuk : 10' (3.1 m)
 - Tepi dan belakang : 3.2' (1 m)
- i. *Perimeter planting* boleh dikira dalam anjakan bangunan;
- ii. Digalakkan penyediaan *grass crate parking* dan *potted plants* untuk menambah penyediaan landskap hijau;
- iii. Boleh dikecualikan sekiranya telah disediakan dengan kelebaran 10' (3.1 m) di luar sempadan tapak.



Contoh penyediaan perimeter planting bagi bangunan > 1.2 ekar.


vii. Ketinggian Masjid

- Tertakluk kepada had ketinggian Rancangan Tempatan atau ketetapan negeri;
- Sekiranya pembangunan rumah ibadat Islam yang baharu berhampiran dengan rumah ibadat lain-lain agama mengikut jarak yang telah ditetapkan, ketinggian struktur bangunan atau menara azan (minaret) digalakkan lebih tinggi untuk menjadikannya *focal point*.



viii. Kawasan Lapang

- Pembangunan Baharu : 10%
- Pembangunan *Infill* : 5%



Kawasan lapang yang berfungsi.


GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

ix. Tempat Letak Kenderaan

Tempat Letak Kereta (TLK)

Keperluan penyediaan TLK adalah merangkumi ruang solat utama dan kemudahan sokongan dengan merujuk kepada GPP Tempat Letak Kenderaan 2018.

- 1 ruang solat : 1mp.
- 1 petak TLK : 15mp /15 jemaah.




TLK digalakkan secara off-street parking.

Tempat Letak Motosikal (TLM)

- 20% daripada jumlah TLK yang disediakan.

Tempat Letak Kereta OKU


- 2% daripada jumlah TLK (lokasi berhampiran pintu masuk utama dengan kemudahan *ramp* dan *railing*).



TLK OKU berhampiran pintu masuk bangunan.

x. Komponen Kemudahan Asas

- Dewan solat, mihrab dan mimbar
- Bilik mesyuarat/ pejabat
- Ruang serba guna (bilik kaunseling / bilik rawatan)
- Bilik *audio-visual*
- Bilik pengurusan jenazah
- Tandas, bilik persalinan dan tempat mengambil wuduk berasingan lelaki & perempuan
- Pejabat imam/ bilal
- Laluan pejalan kaki dan kawasan landskap
- Stor dan dapur



Contoh dewan solat yang tinggi dan luas.

xi. Komponen Kemudahan Sokongan

- Kemudahan aktiviti masyarakat seperti dewan/ ruang serba guna
 - Kebun komuniti
 - Ruang untuk pungutan zakat
 - Ruang untuk perpustakaan/ bilik bacaan
 - Kuarters imam dan kakitangan masjid
 - Asrama/ bilik untuk para musafir
 - Tadika dan taska
 - Kafeteria/ kiosk (yang menjual barangan ringan)
 - Pusat pelupusan Al-Quran lama
- *(memadai bagi keperluan satu daerah satu pusat pelupusan Kitab Suci Al-Quran lama, merujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri & Jabatan Agama Islam Negeri)**



Contoh kebun komuniti sebagai kemudahan aktiviti masyarakat.

xii. Kemudahan Tambahan

- Tapak khas bagi tapak kios aktiviti perniagaan ringan seperti kafeteria, kantin dan kedai cenderamata diletakkan di luar bangunan masjid. Aktiviti perniagaan diluar bangunan utama masjid beroperasi di luar waktu solat berjemaah tertakluk kepada ketetapan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Peletakan Kiosk di luar bangunan utama Masjid.

xii. Ciri-Ciri dan Reka Bentuk

- Reka bentuk bangunan masjid digalakkan mengikut tradisi dan ciri-ciri budaya atau menerapkan konsep moden kontemporari;
- Menara *minaret* sebagai mercu tanda di kawasan sekitar dengan fungsi lain seperti menara jam, faktor pencahayaan dan lain-lain; dan
- Menggalakkan reka bentuk bangunan yang berkonsepkan penjimatan dan penggunaan semula tenaga yang praktikal dan mudah untuk diselenggarakan.



Minaret sebagai mercu tanda.

xiv. Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)


- Menyediakan kemudahan untuk golongan kurang upaya dengan mematuhi GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) 2011 (GP015-A);
- Rujuk Garis Panduan Umum keperluan *Universal Design* (m/s 18).

xv. Pelaksanaan Elemen Hijau

- Rujuk Garis Panduan Umum Pelaksanaan Elemen Hijau (m/s 19)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

xvi. Ilustrasi



Ilustrasi bagi Masjid Tempatan berkeluasan 1.5 ekar.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

GPK 4.4 Garis Panduan Surau/ Surau Jumaat

i. Tadahan Penduduk dan Keluasan Tapak

Surau Kejiranan

Tadahan Penduduk 1,001 – 2,500 orang

Keluasan Minimum 0.5 ekar

Surau Luar Bandar / Infill

Tadahan Penduduk 1,000 orang


Keluasan Minimum 0.5 ekar

ii. Kawasan Plinth

Maksimum 60% daripada keluasan tapak pembangunan

iii. Jarak Antara Surau

- Surau - Masjid Tempatan 200 m
- Surau – Surau 400 m



Jarak antara surau adalah mengikut kategori rumah ibadat.


iv. Saiz Jalan

Surau Kejiranan

- Jalan Perkhidmatan 50' (15.2 m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk 50' (15.2 m)

Surau Luar Bandar / Infill

- Jalan Perkhidmatan 50' (15.02 m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk 40' (12.1 m)



Contoh saiz jalan minimum bagi pembangunan surau kejiranan (baharu).


v. Anjakan Bangunan

Anjakan Bangunan bagi Keluasan > 0.5 ekar

- Menghadap Jalan 40' (12.2 m)
- Sempadan Bersama 20' (6.1 m)

Anjakan Bangunan bagi Keluasan < 0.5 ekar

- Menghadap Jalan 40' (12.2 m)
- Sempadan Bersama 10' (3.1 m)



Contoh anjakan bangunan bagi surau berketinggian >0.5 ekar.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

vi. Kawasan Lapang


- Pembangunan Baharu : 10%
- Pembangunan *Infill* : 5%



Kawasan lapang yang berfungsi.

vii. Perimeter Planting


- ≤ 1.2 ekar • Dikecualikan *perimeter planting*
- ≥ 1.2 ekar • Menghadap jalan masuk : 10' (3.0m)
• Tepi dan belakang : 3.2' (1m)
 - Perimeter planting* boleh dikira dalam anjaka bangunan;
 - Digalakkan penyediaan *grass crate parking* dan *potted plants* untuk menambah penyediaan landskap hijau; dan
 - Boleh dikecualikan sekiranya telah disediakan dengan kelebaran 10' (3.1m) di luar sempadan tapak.



Contoh penyediaan perimeter planting bagi surau > 1.2 ekar.


viii. Ketinggian Surau

- Tertakluk kepada had ketinggian Rancangan Tempatan atau ketetapan negeri;
- Sekiranya pembangunan rumah ibadat Islam yang baharu berhampiran dengan rumah ibadat bukan Islam mengikut jarak yang telah ditetapkan ketinggian struktur bangunan atau menara azar (*minaret*) digalakkan lebih tinggi untuk menjadikannya *focal point*.



ix. Komponen Kemudahan Asas

- Ruang solat
- Mimbar dan mihrab
- Tempat mengambil wuduk berasingan lelaki & perempuan
- Tandas dan bilik persalinan yang berasingan lelaki & perempuan
- Laluan pejalan kaki
- Stor dan dapur
- Ruang bacaan
- Ruang guna sama kelas Fardu Ain



Contoh ruang solat surau yang luas dan tinggi.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

x. Tempat Letak Kenderaan

Tempat Letak Kereta (TLK)

Keperluan penyediaan TLK adalah merangkumi Ruang Solat Utama dan Kemudahan Sokongan dengan merujuk kepada GPP Tempat Letak Kenderaan 2018.


- 1 ruang solat : 1 mp
- 1 petak TLK : 15mp / 15 jemaah

Tempat Letak Motosikal (TLM)


- 20% daripada jumlah TLK yang disediakan

Tempat Letak Kereta OKU

- 2% daripada jumlah TLK (lokasi berhampiran pintu masuk utama dengan kemudahan *ramp* dan *railing*)



TLK digalakkan secara off-street parking.



TLK OKU berhampiran pintu masuk bangunan.

xi. Ciri-Ciri dan Reka Bentuk

- Reka bentuk bangunan digalakkan mengikut tradisi dan ciri-ciri budaya atau menerapkan konsep moden kontemporari;
- Menara *minaret* sebagai mercu tanda di kawasan sekitar dengan fungsi lain seperti menara jam, faktor pencahayaan dan lain-lain; dan
- Menggalakkan reka bentuk bangunan yang berkonsepkan penjimatan dan penggunaan semula tenaga.



Minaret sebagai mercu tanda.

xii. Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)


- Menyediakan kemudahan untuk golongan kurang upaya dengan mematuhi GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) 2011 (GP015-A);
- Rujuk Garis Panduan Umum keperluan *Universal Design* (m/s 18).

xiii. Pelaksanaan Elemen Hijau

- Rujuk Garis Panduan Umum Pelaksanaan Elemen Hijau (m/s 19)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

iv. Ilustrasi



Ilustrasi bagi Surau berkeluasan 0.5 ekar.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

GPK 4.5

Garis Panduan Ruang Solat/ Musala

i. Penyediaan

- Disediakan di tempat/ bangunan-bangunan tumpuan orang awam seperti kompleks perniagaan, kedai pejabat dan pembangunan industri dan kediaman bertingkat.



Contoh ruang solat musala yang selesai.

ii. Pengurusan

- Pengurusan ruang solat/ musala adalah di bawah badan pengurusan yang dilantik penghuni kediaman atau pihak pengurusan bangunan (JMB).

iii. Keluasan Ruang


Kategori Bangunan	Saiz Minimum
<ul style="list-style-type: none"> • Pangsapuri perkhidmatan (<i>service apartment</i>) • Pusat beli belah/pasar raya besar • Pusat konvensyen • Bangunan pejabat • Pusat pameran/galeri (bangunan sesebuah) • Hotel dengan minimum 50 bilik (tidak termasuk hotel bajet) • Terminal pengangkutan • Taman tema khusus • Pangsapuri servis/SOHO • Pusat jagaan (bangunan sesebuah) • Hospital/ pusat perubatan/ klinik (bangunan sesebuah) • Kelab persendirian (bangunan sesebuah) • Restoran/ pusat penjaja/ pasar (bangunan sesebuah) • Stesen minyak • Bangunan kedai yang dijadikan pasar raya (minimum 3 unit kedai 3 tingkat yang dicantumkan atau luas lantai kasar yang melebihi 12,000kp) • Bangunan hentian rehat di kawasan lebuh raya (tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM)) • Bazar/arked/pusar penjaja/gerai 	<p>Ruang solat minimum (luas ruang lantai kasar):</p> <ul style="list-style-type: none"> • <30,000 kp = 300kp saiz: 1 (10' x 15') p (10' x 15') • 30,001kp – 50,000kp = 450kp – 800kp saiz: 1 (10' x 15') p (10' x 15') - 1 (20' x 20') p (20' x 20') • 50,001kp – 75,000kp = 801kp – 1,200kp saiz: (40' x 20') / (40' x 30') (boleh disediakan dalam beberapa Unit mengikut jumlah keluasan) • 75,001kp – 100,000kp = 1,201kp – 1,800kp saiz: (40' x 30') / (45' x 40') (boleh disediakan dalam beberapa unit mengikut jumlah keluasan) • > 100,001kp = 1,801kp saiz: (45' x 40') (boleh disediakan dalam beberapa unit mengikut jumlah keluasan)

Nota: Penyelarasan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

iv. Peletakan


- Disediakan bersama dengan kemudahan lain dalam bangunan yang sama atau berasingan;
- Sekiranya diletakkan di bangunan yang sama, kedudukan ruang solat/ musala haruslah diletakkan di tempat yang sesuai dan berada di sama aras atau aras atas daripada kemudahan lain seperti gimnasium, restoran dan sebagainya.



Kedudukan musala haruslah di tempat yang sesuai.

v. Komponen Kemudahan

- Ruang bacaan Al-Quran;
- Digalakkan menyediakan kemudahan untuk OKU dan warga emas;
- Kelengkapan bagi warga emas seperti kerusi;
- Ruang solat disediakan secara berasingan bagi lelaki dan perempuan serta lengkap dengan tempat mengambil air wuduk dan tandas.



Tempat mengambil wuduk yang selesa.

vi. Aspek Keselamatan

- Meningkatkan kebolehnampakan bahagian luar dari dalam bangunan;
- Pencahayaan di luar bangunan semasa waktu malam;
- Menyediakan CCTV dan penggera keselamatan.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

GPK 4.6

Garis Panduan Rumah Ibadat Pelancongan

Garis panduan ini bertindak menyelaraskan dan menjadi panduan kepada pihak yang terlibat dalam pengurusan rumah ibadat yang dirancang dengan aktiviti pelancongan agar selari dengan hukum syarak. Penyediaan panduan ini adalah selaras dengan garis panduan yang diterbitkan oleh **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** yang menggariskan keperluan perancangan bagi masjid pelancongan.

i. Jenis Pembangunan

- Masjid yang dihaskan bagi tujuan aktiviti pelancongan;
- Peruntukan ini hendaklah disediakan bersama dengan peruntukan-peruntukan lain di dalam GPP ini.


ii. Tempat Letak Kenderaan

Tempat Letak Kereta

Tambahan 10% daripada keperluan penyediaan TLK

Tempat Letak Bas

Minimum 2 petak



Kemudahan ruangan tempat letak bas.

iii. Kaunter Penerangan / Informasi

Ruangan Informasi menempatkan galeri pameran, sudut tayangan dan rak informasi. Disediakan di tempat yang strategik dan persekitaran yang kondusif termasuk menyediakan buku rekod pelawat, pakaian pelancong/ jubah, brosur/ risalah, payung, kerusi roda, borang-borang berkaitan dan juga peti cadangan/ aduan.



Contoh kaunter penerangan.

iv. Ruang Khas untuk Pemerhati Solat

Pihak pengurusan masjid perlu menyediakan satu ruangan khusus untuk memberi kemudahan pelancong melihat aktiviti solat harian.



Contoh ruangan khas untuk pelancong.

v. Kemudahan Untuk Pelancong

Menyediakan keperluan bagi pelancong parkir, penunjuk arah, papan tanda pelan lantai, peti simpanan kasut, ruang untuk bergambar, tandas, kiosk jualan cenderamata, vending machine dan seumpamanya. Menyediakan pakaian yang sesuai untuk pelancong sama ada jenis material dan warna kain yang digunakan.



Contoh kiosk jualan cenderamata.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

vi. Keperluan untuk Petugas dan Sukarelawan

Menyediakan keperluan untuk petugas dan sukarelawan seperti pakaian seragam, tanda pengenalan diri yang sesuai, bilik rehat dan lain-lain keperluan.

vii. Prasarana Lain

Menyediakan prasarana lain jika perlu seperti kafeteria, tabung masjid, taman permainan kanak-kanak, kemudahan WiFi, papan kenyataan pengurusan/ program masjid, rangkaian Masjid Pelancongan, *Auto Teller Machine* (ATM) dan sebagainya.



Contoh taman permainan kank-kanak.





MEKANISMA PENYEDIAAN RUMAH IBADAT ISLAM

- 5.1 Agensi Bertanggungjawab**
- 5.2 Penyediaan Rumah Ibadat Islam Melalui Kebenaran Merancang (KM)**

5.0

MEKANISMA

PENYEDIAAN RUMAH

IBADAT ISLAM

5.1 Agensi Bertanggungjawab

- Penyediaan rumah ibadat Islam melibatkan pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri/ Wilayah Persekutuan (MAIN);
- MAIN bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam di sesebuah negeri yang merupakan pemegang amanah kepada masjid dan tanah (wakaf). Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menerusi MAIN bertanggungjawab bagi pengurusan masjid;
- Agensi bertanggungjawab untuk penyediaan rumah ibadat Islam seperti berikut:

Jadual 7: Agensi Bertanggungjawab Bagi Penyediaan Rumah Ibadat Islam

PERANAN	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
Perancangan	<ul style="list-style-type: none">• Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
Pembangunan	<ul style="list-style-type: none">• Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)• Majlis Agama Islam Negeri/ Wilayah Persekutuan (MAIN)• Pemaju / pemberi wakaf
Pengurusan / Pemantauan	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)• Majlis Agama Islam Negeri/ Wilayah Persekutuan (MAIN)

5.2 Penyediaan Rumah Ibadat Islam Melalui Kebenaran Merancang (KM)

- Kemudahan rumah ibadat Islam boleh disediakan melalui proses Kebenaran Merancang (KM) Pelan Induk/ Susun Atur dan Kebenaran Merancang (KM) Pendirian Bangunan, merujuk kepada jenis pembangunan;
- Penyediaan rumah ibadat Islam boleh disediakan melalui tiga (3) kaedah menerusi Kebenaran Merancang (KM) iaitu:
 1. Pembangunan di rizab sedia ada;
 2. Penyediaan di kawasan cadangan pembangunan baru;
 3. Menerusi tambahan keluasan tapak/ ruangan bangunan rumah ibadat sedia ada.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM


Ringkasan Mekanisme Penyediaan Rumah Ibadat Islam

PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN (RT)

Melibatkan proses rundingan bersama:

1. Pihak Berkuasa Negeri
2. Pihak Berkuasa Tempatan
3. Pejabat Daerah dan Tanah


Untuk menentukan alternatif bersesuaian mengikut keperluan.



KEBENARAN MERANCANG (KM)

1. KM Pelan Induk/ Susun Atur

- Pemaju memperuntukkan tapak Masjid atau Surau yang diperlukan mengikut kategori rumah ibadat Islam berdasarkan keperluan di dalam pelan induk/ susun atur;
- Tapak baharu rumah ibadat Islam diwartakan sebagai rizab kemudahan keagamaan dan diserahkan kepada MAIN/JAIN;
- MAIN/JAIN memastikan tapak kemudahan keagamaan yang telah dirizabkan tidak dinyahwarta.





2. KM Pendirian Bangunan

- MAIN/JAIN mengemukakan permohonan pendirian bangunan bagi tapak masjid atau surau;
- Penyediaan pelan bangunan dan kerja tanah.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH IBADAT ISLAM

Ringkasan Mekanisme Penyediaan Kemudahan Rumah Ibadat Islam melalui Kebenaran Merancang (KM)





PENUTUP



6.0 PENUTUP

Garis panduan ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan definisi, prinsip perancangan serta garis panduan dan piawai perancangan yang perlu dipatuhi bagi penyediaan Rumah Ibadat Islam.

Adalah menjadi hasrat KPKT agar aspek-aspek yang digariskan di dalam garis panduan perancangan ini dapat dipatuhi dan memandu PBN, PBT, agensi pelaksana serta pemaju di dalam merancang dan menyediakan Rumah Ibadat Islam yang komprehensif dan berkualiti bagi menjamin dan menyokong pembangunan kehidupan yang seimbang dan sejahtera.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan



Diterbitkan oleh:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan,
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 **PUTRAJAYA, MALAYSIA**

 03-8091 0000

 www.planmalaysia.gov.my